

KERATAN AKHBAR

5 OGOS 2021
KHAMIS



Sains hantar bantuan bekalan air ke Kuala Nerus

SARINAH MAT KASIM | 05 Ogos 2021



SEREMBAN - [DIKEMAS KINI] Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen bagi membantu Syarikat Air Terengganu (Satu) yang menghadapi masalah gangguan bekalan air di Kuala Nerus sejak Isnin.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, dua kakitangan dan sebuah lori tangki bergerak ke Terengganu pada Khamis bagi membantu syarikat tersebut membuat pengagihan bekalan air.

Beliau berkata, pengagihan itu akan dilakukan di sebahagian besar daerah Kuala Nerus berikutan paip air di dasar Sungai Terengganu pecah sehingga menyebabkan penutupan sepenuhnya operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Kepong 2.

"Usaha sama ini selaras dengan memorandum persefahaman antara operator di Malaysia. Semoga dengan bantuan ini dapat meringankan beban pengguna di kawasan yang terkesan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.



Norzita berkata, pelepasan lori tangki itu dilakukan di Pejabat Operasi Sains Jempol pada jam 10 pagi.

Masalah gangguan bekalan air di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu sejak Isnin itu membabitkan sebanyak 28,700 akaun yang dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh tiga atau empat hari lagi.

KHAMIS

<https://www.sinarharian.com.my/article/153848/EDISI/Sains-hantar-bantuan-bekalan-air-ke-Kuala-Nerus>



SAINS hantar bantuan lori tangki air kepada penduduk di Kuala Nerus

 BERNAMA
5 OGOS 2021
KHAMIS
<https://www.bernama.com/bm/arm/news.php?id=1989554>

SEREMBAN, 5 Ogos – Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen bagi membantu Syarikat Air Terengganu (SATU) susulan masalah gangguan bekalan air di Kuala Nerus, sejak Isnin lepas.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS Norzita Ismail berkata dua kakitangan dan sebuah lori tangki bergerak ke Terengganu pagi ini bagi membantu syarikat tersebut membuat pengagihan bekalan air ke sebahagian besar daerah Kuala Nerus berikutan paip air di dasar Sungai Terengganu pecah sehingga menyebabkan penutupan sepenuhnya operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Kepong 2.

"Usaha sama ini adalah selaras dengan Memorandum Persefahaman Antara Operator di Malaysia dan semoga dengan bantuan ini, ia dapat meringankan beban pengguna di kawasan yang terkesan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Terdahulu, SAINS mengadakan sesi pelepasan lori tangki itu di Pejabat Operasi SAINS Jempol, dekat sini, pada pukul 10 pagi tadi.

Media melaporkan masalah gangguan bekalan air sejak Isnin itu melibatkan 28,700 akaun di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu yang dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh tiga atau empat hari lagi.

– BERNAMA

Krisis bekalan air di Kuala Nerus, Kuala Terengganu berlarutan tujuh hari lagi

KUALA TERENGGANU - Krisis gangguan bekalan air yang melibatkan 28,700 akaun di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu sejak Isnin lepas (2 Ogos) dijangka terus berlarutan dalam tempoh tujuh hari lagi.

Bagaimanapun, kerajaan negeri memberi jaminan semua penduduk di kawasan yang terjejas itu akan tetap mendapat bekalan air bersih melalui beberapa inisiatif yang telah disediakan menjelang kerja pembaikan siap pada Rabu depan.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau negeri, Dr Mamad Puteh berkata, sebanyak 20 unit lori tangki telah disediakan dengan bantuan daripada operator negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Antaranya Pengurusan Air Pahang Berhad, Air Kelantan Sdn Bhd, Lembaga Air Perak, Syarikat Air Melaka Berhad, Syarikat Air Johor, Syarikat Air Darul Aman dan Syarikat Air Negeri Sembilan yang akan meneruskan bantuan penghantaran air ke kawasan terjejas sehingga krisis ini selesai.



"Selain itu, sebanyak 66 tangki statik juga disediakan bagi memudahkan pengguna untuk mengambil bekalan air dari semasa ke semasa manakala tambahan 34 tangki lagi akan ditempatkan secara berperingkat," katanya dalam sidang media di sini pada Khamis.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah, Syarikat Air Terengganu (Satu), Dr Burhanuddin Helmi Mohamed dan Pengarah Operasi Wilayah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Ir Azrul Raimee Ramli.

Dr Mamad berkata, krisis gangguan bekalan air kali ini adalah yang terburuk pernah berlaku di Terengganu melibatkan lima kawasan Dewan Undangan Negeri serta 104 Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) dan ia juga adalah kerosakan pam yang pertama berlaku di dasar sungai Terengganu.

Satu sebelum ini memaklumkan bahawa krisis gangguan bekalan air itu adalah disebabkan pam bersaiz 1,200 milimeter pecah di dasar Sungai Terengganu pada awal pagi Isnin lepas.

Masalah air Kuala Nerus pulih seminggu lagi

5 OGOS 2021

KHAMIS

<https://www.hmetro.com.my/mufakhir/2021/08/739099/masalah-air-kuala-nerus-pulih-seminggu-lagi>

Kuala Terengganu: Krisis bekalan air di kawasan Kuala Nerus dijangka akan berakhir seminggu lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau, Dr Mamad Puteh berkata, Syarikat Air Terengganu (SATU) melaksanakan pelan pembaikan segera selepas mengenal pasti kerosakan pada paip di dasar Sungai Terengganu.

"Paip di dasar sungai bersaiz 1200 milimeter mengalami kerosakan serius dan pembaikan dijangka mengambil masa selama tujuh hari.

"Pembaikan paip itu menggunakan kaedah 'clamp' dan ia jalan penyelesaian paling cepat serta menjimatkan masa.

"Operasi loji Bukit Berapit di bawah Projek Kuala Terengganu Utara yang dijangka bermula dua minggu lagi turut menjadi alternatif lain bagi membantu menyelesaikan krisis berkenaan," katanya ketika sidang media di Pejabat SATU di sini, hari ini.

Hadir sama pada sidang media itu, Ahli Lembaga Pengarah SATU, Burhanudin Hilmi Mohd @ Harun dan Timbalan Pengarah Bahagian Operasi Wilayah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Ir Azrul Raimee Ramli.

Mamad berkata, SATU sudah memulakan operasi pengagihan air bersih ke kawasan terbabit termasuk dengan melakukan penghantaran lori tangki bergerak dan menyediakan tangki statik.

"Bagi memastikan orang awam mendapat bekalan air sehingga proses pembaikan selesai sebanyak 20 unit lori tangki disediakan dan bergerak setiap masa.

"Operator air negeri melalui SPAN termasuk Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Air Kelantan (AKSB), Lembaga Air Perak (LAP), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Syarikat Air Johor (SAJ), Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) selain Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan membantu membekalkan air kepada penduduk terjejas," katanya.

Tambahnya, sebanyak 66 tangki statik juga ditempatkan di lokasi terlibat bagi memudahkan pengguna untuk mengambil bekalan air dari semasa ke semasa. "Penambahan sebanyak 34 tangki akan dibuat segera dan ditempatkan secara berperingkat.

"Bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertatkan (PKPD), kami akan cuba mendapatkan sedikit kelonggaran untuk memudahkan bekalan air disalurkan kepada penduduk terjejas di kawasan berkenaan," katanya.

SPAN gerakkan 12 lori tangki ke Terengganu

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 5 Ogos 2021, 3:10 pm



CYBERJAYA – Sebanyak 12 lori tangki daripada enam buah syarikat operator air digerakkan ke Kuala Nerus dan Kuala Terengganu, Terengganu susulan gangguan bekalan air di dua daerah itu yang dikesan sejak 2 Ogos lalu.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menerusi kenyataan hari ini berkata, pagi ini sahaja 12 lori tangki digerakkan ke lokasi terjejas.

Menurutnya, enam syarikat operator air terbabit termasuk Air Selangor, Syarikat Ranhill SAJ Sdn. Bhd. (RSAJ), Syarikat Air Darul Araman (SADA), Syarikat Air Melaka Bhd (SAMBA), Lembaga Air Perak (LAP) dan Pengurusan Air Pahang Bhd. (PAIP).

“Secara keseluruhan, sejumlah 20 lori tangki agihan termasuk dari Syarikat Air Terengganu (SATU) dan Jabatan Bomba dan Penyeleimat Malaysia (JPBM) ditempatkan di lokasi terjejas.

“Selain itu, lebih 40 tangki statik ditempatkan di 25 lokasi strategik demi memastikan kelangsungan bekalan air bersih kepada pengguna,” katanya. – K! ONLINE

